



**KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA  
SELASA , 2 JANUARI 2018**

1. **DURIOTOURISM TARIK RAMAI PENGUNJUNG, BISNES – 5H, 46**
2. **TIRIS RM 380J, DALAM NEGERI – UM, 3**
3. **SELEWENG DIESEL, PETROL RM380J, DALAM NEGERI, UM, 6**
4. **SUDEE TEMBUSI PASARAN EROPAH, AMERIKA SYARIKAT, BISNES – 5H, 46**

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	TARIKH <b>02 JAN 2010</b>
	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> THE STAR	
	<input checked="" type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> HAKRAH	<input type="checkbox"/> KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/> PERTANIAN	<input type="checkbox"/> PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/> ALAM SEKITAR	RUANGAN : <b>Bisnes</b> Muka Surat <b>46</b>
	<input type="checkbox"/> PERIKANAN	<input type="checkbox"/> EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/> ADUAN	
	<input type="checkbox"/> TERNAKAN	<input checked="" type="checkbox"/> AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/> PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/> INDUSTRI ASAS TANI			

NORSHAHZURA MAT ZUKI

INSTITUT Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Perak menyasarkan menerima peningkatan pengunjung melalui program agro pelancongan berasaskan durian, Duriotourism pada tahun ini berikutan pelbagai aktiviti yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Timbalan Pengarah Mardi Perak, Salmizi Saad berkata, sejak diperkenalkan pada Disember lalu, Mardi Kuala Kangsar menerima sambutan memberangsangkan dari seluruh negara.


Menurutnya, Mardi Kuala Kangsar menerima kira-kira 1,000 pengunjung pada setiap minggu dan mereka diberikan masa selama dua jam untuk merasai pelbagai pengalaman menarik.

"Kami menjangkakan jumlah pelancong akan meningkat berikutan terdapat dua kali musim durian iaitu pada Mei hingga Jun dan November hingga Disember tahun ini. Kami juga akan memperkenalkan pelbagai aktiviti menarik seperti

aktiviti riadah memancing, berkayak dan berkhemah selain memberikan pengalaman kepada pe-



Kakitangan Mardi menunjukkan isi durian yang terdapat di Mardi Kuala Kangsar.



Tambaran digunakan oleh pengunjung untuk melawat ladang.

# Duriotourism tarik ramai pengunjung

ngunjung merasai suasana sebenar di ladang," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Salmizi berkata, dengan hanya bayaran masuk sebanyak RM50 seorang, pengunjung Duriotourism berpeluang melawat ladang durian seluas 22 hektar yang mempunyai 1,010 pelbagai jenis pokok durian bermutu tinggi D24, D99, MDUR78, MDUR88 dan Musang King.

"Pengunjung boleh menaiki tram untuk melakukan pelbagai aktiviti menarik, antaranya memetik pelbagai jenis buah-buahan dan menikmati raja buah itu secara segar terus dari ladang. Antara tanaman utama lain ialah manggis, mesta, rambutan, limau bali, kelapa dan tanaman nadir," katanya.

Menurutnya, pengunjung memberi maklum balas yang positif dengan pakej ditawarkan dan

**INFO** • Mardi Kuala Kangsar dibangunkan pada 1974

• Berkeluasan 39.5 hektar

berbaloi kerana dapat menikmati durian di kawasan ladang serta mendapat maklumat mengenai peranan Mardi dan pendedahan kaedah pelbagai jenis tanaman yang terdapat di kawasan itu.

"Sesiapa yang berminat mengunjungi Mardi Kuala Kangsar bolehlah hubungi ibu pejabat untuk membuat tempahan," katanya.

Mengulas mengenai Duriotourism, Salmizi berkata, Mardi Perak mengambil inisiatif membangunkan Duriotourism dengan menyetengahkan lima konsep iaitu teknologi, inovasi, pe-

muliharaan, pendidikan dan rekreasi (Ticer).

"Duriotourism adalah konsep pertama diperkenalkan di negara ini tanpa mengira musim raja buah, bertujuan memperkenalkan Mardi Kuala Kangsar sebagai destinasi agro pelancongan yang berkeluasan 39.5 hektar dan mempunyai pelbagai jenis tanaman," katanya.

Menurutnya, Duriotourism diadakan bukan sahaja pada musim durian, malahan ia akan diadakan sepanjang tahun dengan mengadakan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung.

"Pada musim durian, pengunjung akan berpeluang untuk makan buah segar, mempelajari dan nikmati alam sekitar. Terdapat enam aktiviti yang ditawarkan iaitu Durio Tour, Durio Festival, Durio Products, Durio Muzium, Durio Chalet dan Friends of Durio," katanya.

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	TARIKH <b>2 JAN 2018</b>
	<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> THE STAR	
	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> HAKIKAH	<input type="checkbox"/> KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/> PERTANIAN	<input type="checkbox"/> PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/> ALAM SEKITAR	RUANGAN : <i>Patan Negeri</i> Muka Surat <input type="text" value="3"/>
	<input type="checkbox"/> PERIKANAN	<input type="checkbox"/> EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/> ADUAN	
	<input type="checkbox"/> TERNAKAN	<input type="checkbox"/> AGRO PELANCONGAN	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/> INDUSTRI ASAS TANI			

Subsidi bahan api untuk 100,000 nelayan diseleweng

# TIRIS

# RM380J



- > Kerajaan rugi RM380 juta tahun lepas kerana subsidi minyak untuk nelayan diseleweng.
- > Selain itu, ada juga nelayan tempatan jual minyak dibeli kepada nelayan asing untuk untung mudah.
- > Minyak bersubsidi itu dijual kepada industri dan tidak disalurkan kepada LKIM untuk diagih kepada nelayan.
- > Kerajaan peruntuk RM1.1 bilion setahun untuk subsidi diesel, petrol nelayan.

**BERITA DI MUKA 6**



GAMBAR HIASAN

Angkara tamak, tidak berterima kasih

# Seleweng diesel, petrol RM380j



Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 JAN.

**K**EMUDAHAN subsidi minyak diesel dan petrol bagi kira-kira 100,000 nelayan di negara ini seakan tidak dihargai apabila kerajaan terpaksa menanggung subsidi yang tinggi tahun demi tahun.


Hal ini terbukti apabila kerajaan menanggung kerugian RM380 juta pada tahun lalu akibat penyelewengan subsidi bahan api yang dikhaskan untuk nelayan.

Ketirisan itu sekali gus mengakibatkan kerajaan menanggung nilai subsidi minyak diesel dan petrol untuk nelayan sebanyak RM1.1 bilion tahun lalu.

Semua itu berlaku ekoran sikap tamak serta tidak berterima kasih sesetengah nelayan dan segelintir pembekal tidak bertanggungjawab yang mahu mengaut untung daripada kebaikan kerajaan umpama 'diberi susu, dibalas tuba'.

Menurut sumber, taktik yang sering digunakan oleh nelayan tamak adalah dengan menjual minyak diesel dan petrol kepada nelayan asing yang ditemui di sempadan perairan negara selepas mereka mendapatkan bahan api dengan harga subsidi tersebut dari jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

## Bagaimana diesel/petrol diseleweng?



• Jual pada nelayan asing di sempadan perairan negara

• Jual pada industri  
• Jual di sempadan melalui jalan darat/laut

## Subsidi diesel/petrol kepada nelayan

Jumlah subsidi  
**RM1.1 bilion**

Jumlah nelayan  
**100,000**

Jumlah yang digunakan  
**RM720 juta**

Jumlah seleweng  
**RM380 juta**

Ujarnya, kegiatan itu sekali gus membolehkan nelayan mengaut keuntungan yang tinggi kerana mereka menjual bahan api bersubsidi tersebut dengan harga pasaran sedangkan nilai yang dibayar setelah ditolak subsidi kerajaan hanyalah RM1.65 sen seliter.

"Selain memperoleh keuntungan berbentuk wang, sebagai balasan, nelayan asing itu juga akan memberikan hasil tangkapan kepada mereka yang kemudiannya akan didaratkan di jeti LKIM bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Mereka kemudian akan memperoleh insentif sebanyak RM0.20 bagi setiap kilogram ikan dan ini bermakna mereka mendapat keuntungan berganda iaitu hasil jualan minyak bersubsidi dan insentif ikan yang didaratkan," kata sumber itu kepada *Utusan Malaysia*.

Ujar sumber, selain daripada penglibatan nelayan, minyak diesel dan petrol itu juga diseleweng

oleh pihak pembekal tindak bertanggungjawab ketika dalam urusan penghantaran bahan api berkenaan ke jeti-jeti LKIM.

"Pemandu lori yang ditugaskan menghantar bahan api bersubsidi ini akan berada di jeti LKIM kira-kira 30 minit kononnya untuk memindahkan minyak diesel dan petrol seperti yang ditetapkan namun sebenarnya pemindahan bahan api tidak berlaku.

"Sebaliknya, mereka hanya 'singgah' di jeti tersebut kerana setiap lori mempunyai alat pengesan untuk pemantauan pihak berkuasa dan seterusnya mereka akan menjual bahan api bersubsidi itu untuk kegunaan industri dan turut diseludup ke sempadan," katanya.

Jelas sumber, kegiatan itu bukan sahaja berlaku di semenanjung malah turut dikesan berleluasa di perairan Sabah yang didalangi pemborong berlesen

yang sepatutnya mengeksport minyak tidak bersubsidi.

Katanya, kebiasaannya pemborong berlesen akan bersekolong dengan sesetengah nelayan dengan mengumpulkan minyak diesel dan petrol bersubsidi daripada mereka yang diberikan kemudahan tersebut.

"Nelayan yang telah mendapatkan minyak diesel dan petrol bersubsidi dari jeti LKIM akan ke tengah laut untuk memindahkan bahan api tersebut ke dalam kapal milik pemborong berlesen. Seterusnya, bahan api itu akan dijual kepada negara jiran," ujarnya.

Tambah sumber, kegiatan ini secara tidak langsung membebankan kerajaan kerana perlu mengeluarkan modal yang besar bagi menanggung subsidi walaupun sebenarnya terdapat 'orang tengah' yang menikmati keuntungan hasil daripada aktiviti penyelewengan.

# Penguatkuasaan tegas keang penyelewengan

**KUALA LUMPUR 1 Jan.** - Tidak dinafikan, nelayan memberikan sumbangan besar dalam membekalkan ikan yang merupakan nutrisi kepada rakyat negara ini dan bagi menghargai sumbangan tersebut, kerajaan terus komited meneruskan bantuan subsidi kepada mereka.

Subsidi yang diberikan dengan tujuan mengurangkan beban rakyat tetapi malangnya diseleweng hingga menyebabkan hasrat kerajaan tidak tercapai.

Oleh itu, penguatkuasaan yang lebih tegas perlu dilaksanakan bagi mengekang isu penyelewengan subsidi minyak diesel dan petrol yang dikhaskan kepada nelayan di negara ini daripada terus berleluasa.

Menurut sumber, penguatkuasaan dalam membendung kegiatan itu diamanahkan kepada penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pasukan Polis Marin (PPM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) namun keangan aset di perairan negara menjadikan aktiviti penguatkuasaan dalam isu tersebut terbatas.

Ujarnya, penguat kuasa KPDNKK mempunyai tanggungjawab besar dalam menangani isu ini namun mereka tidak mempunyai aset di air yang memantau aktiviti penyelewengan yang kebanyakannya berlaku di sempadan perairan negara.

"Walaupun dibantu PPM dan Maritim Malaysia yang mempunyai aset seperti kapal, bot dan sebagainya, tetapi skop tugas mereka lebih besar dalam membendung penyeludupan dan ancaman keselamatan negara.

"Perkara ini secara tidak langsung mengakibatkan penguatkuasaan terhadap aktiviti penyelewengan bahan subsidi kerajaan menjadi longgar," katanya di sini hari ini.

Sehubungan itu kata sum-



**Penguatkuasaan dalam membendung kegiatan itu diamanahkan kepada penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pasukan Polis Marin (PPM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) namun keangan aset di perairan negara menjadikan aktiviti penguatkuasaan dalam isu tersebut terbatas."**

## SUMBER

ber, kerjasama antara agensi melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antaranya dengan PPM, Maritim Malaysia dan Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Negara (NRRET) perlu diperkasakan.

"Sebagai contoh, operasi yang dikelola NRRET sebelum ini terbukti berkesan dalam mengekang aktiviti penyelewengan barangan bersubsidi yang boleh mendatangkan kerugian besar kepada negara," ujarnya.

Tambahnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga perlu melakukan pemantauan dengan lebih kerap terhadap kumpulan nelayan tersebut bagi memastikan mereka tidak melakukan kesalahan menyeleweng subsidi.

"Mereka juga perlu diambil tindakan lebih tegas agar penyelewengan yang dilakukan dapat dibanteras," katanya.

TARIKH <b>02 JAN 2016</b>	RUANGAN : <i>Dalam Negeri</i> Muka Surat <b>6</b>
NEW STRAITS TIMES THE MALAY MAIL THE STAR KEADILAN	ALAM SEKITAR ADUAN PELBAGAI
THE SUN UTUSAN MELAYU KOSMO HARAKAH	PENGAIRAN & SALIRAN EKONOMI/PEMASARAN AGRO PELANCONGAN
BERITA HARIAN UTUSAN MALAYSIA HARIAN METRO SINAR HARIAN	PERTANIAN PERIKANAN TERNAKAN INDUSTRI ASAS TANI
KERATAN AKHBAR	PERKARA

KERATAN AKHBAR	<input type="checkbox"/>	BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/>	THE SUN	<input type="checkbox"/>	NEW STRAITS TIMES	TARIKH <b>02 JAN 2010</b>
	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	UTUSAN MELAYU	<input type="checkbox"/>	THE MALAY MAIL	
	<input type="checkbox"/>	HARIAN METRO	<input type="checkbox"/>	KOSMO	<input type="checkbox"/>	THE STAR	
	<input checked="" type="checkbox"/>	SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/>	HARAKAH	<input type="checkbox"/>	KEADILAN	
PERKARA	<input type="checkbox"/>	PERTANIAN	<input type="checkbox"/>	PENGAIRAN & SALIRAN	<input type="checkbox"/>	ALAM SEKITAR	RUANGAN : <b>Bisnes</b> Muka Surat <b>46</b>
	<input type="checkbox"/>	PERIKANAN	<input checked="" type="checkbox"/>	EKONOMI/PEMASARAN	<input type="checkbox"/>	ADUAN	
	<input type="checkbox"/>	TERNAKAN	<input type="checkbox"/>	AGRO PELANCONGAN	<input type="checkbox"/>	PELBAGAI	
	<input type="checkbox"/>	INDUSTRI ASAS TANI					

## Sudee tembusi pasaran Eropah, Amerika Syarikat

SYARIKAT Bumiputera, World Prominence Sdn Bhd (WPSB) yang menghasilkan produk perencah serbuk lengkap jenama Sudee, menasarkan akan menembusi beberapa pasaran luar negara untuk mengukuhkan kedudukannya dalam pasaran penghasilan produk.

Pengarahnya, Noreata Mohd Yusof berkata, WPSB bakal mengeksport produknya ke pasaran Eropah dan Amerika Syarikat berikutan permintaan tinggi di sana.

Menurutnya, sejak 2012, produknya yang menggunakan jenama Maznah telah pun berada di pasaran antarabangsa, terutama di Arab Saudi, United Kingdom, Hungary, Brunei, China dan Singapura.



Noreata (tengah) optimis mengembangkan lagi jenama Sudee ke peringkat antarabangsa.

“Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) membantu kami mengeksport ke pasaran Australia dan Singapura.

“Sebagai mengukuhkan pasaran produknya di luar negara, WPSB akan mengadakan pelbagai promosi dan ‘food tour’ untuk memperkenalkan

kan produknya,” katanya.

Noreata berkata, sebagai perediaan untuk menambahkan pasaran eksport, WPSB kini menaikkan kilangnya untuk mendapatkan sijil antarabangsa, FS22000.

Noreata berkata, WPSB juga menjangkakan jualan produknya meningkat pada tahun ini dipacu strategi pemasarannya untuk mengukuhkan Sudee dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

“Peningkatan jualan ini juga dipacu oleh strategi syarikat merekrut dropship yang boleh mendaftar di Vtrade. Setakat ini, kami mempunyai lebih 20 dropship dan menasarkan lebih 100 menjelang akhir tahun ini,” katanya.